

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI [HULU SELANGOR]

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan maklumat secara terperinci semua jabatan dan agensi yang bernaung di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian-Kementerian yang ada berikutan penstrukturan semula Kementerian dalam Kerajaan.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penyusunan semula Kementerian telah dilaksanakan bagi membolehkan Kerajaan menjalankan fungsinya dengan lebih optimum dan mengurangkan daripada berlakunya pertindihan fungsi. Penstrukturan semula ini telah menyebabkan beberapa perubahan Kementerian seperti berikut :

- i. Penyusunan semula 2 Kementerian iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menjadi 2 Kementerian berasingan iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) serta penyusunan fungsi Kementerian Sains, Tenaga, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC)

SOALAN NO : 178

yang disusun semula fungsinya antara Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KETSA);

- ii. Pewujudan 3 Kementerian baharu iaitu Kementerian Perpaduan Negara, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA); dan
- iii. Pemansuhan 1 Kementerian iaitu Kementerian Hal Ehwal Ekonomi yang mana fungsinya telah dipindahkan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

2. Penyusunan dan penstrukturan semula ini menyebabkan pembentukan 26 Kementerian yang diterajui oleh 4 Menteri Kanan bagi menggantikan jawatan Timbalan Perdana Menteri berdasarkan kluster-kluster utama seperti berikut :

- i. Ekonomi;
- ii. Keselamatan;
- iii. Pembangunan Infrastruktur; dan
- iv. Pendidikan dan Sosial.

3. Penyusunan dan penstrukturan semula ini juga turut melibatkan perpindahan fungsi Jabatan/ agensi di bawahnya sepertimana yang dinyatakan di bawah Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No.3) 2020 bertarikh 9 Julai 2020 selaras dengan peranan dan fungsi Kementerian tersebut.

4. Bagi Jabatan Perdana Menteri, penstrukturan dan penyusunan semula ini telah menyebabkan 65 Jabatan/Agensi diletakkan di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri yang merangkumi 42 Jabatan, 10 Badan Berkanun, 11 Organisasi di bawah Akta Syarikat, 1 Yayasan dan 1 Pertubuhan Antarabangsa. Kesemua 65 Jabatan/agensi ini telah diletakkan di bawah peranan dan tanggungjawab Yang Amat Perdana Menteri dan

SOALAN NO : 178

Menteri-Menteri di Jabatan Perdana Menteri selaras dengan portfolio yang disandang masing-masing.

5. Antara Jabatan/agensi yang telah dipindahkan fungsi keluar daripada Jabatan Perdana Menteri adalah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) yang telah dinaiktaraf menjadi Kementerian Perpaduan Negara dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) yang telah dikembalikan fungsinya kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) manakala Jabatan/agensi yang telah diletakkan di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri adalah Unit Perancang Ekonomi (UPE) yang sebelum ini merupakan sebuah Kementerian yang telah dimansuhkan iaitu Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) yang sebelum ini terletak di bawah tanggungjawab Kementerian Kewangan. Kedua-dua Jabatan/agensi ini adalah di bawah bidang tugas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi).

6. Sebagai tambahan, Jabatan Perdana Menteri telah mewujudkan 2 portfolio khas iaitu Hal Ehwal Sabah dan Sarawak bagi menangani isu pembangunan dan kemajuan sosio-ekonomi rakyat di Sabah dan Sarawak berdasarkan semangat Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) serta Tugas-Tugas Khas bagi menjalankan tugas berkaitan keselamatan dan bencana, hal ehwal pembangunan dan kemajuan Bumiputera serta pemantauan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) sepertimana yang telah dihasratkan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.